

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Friday, April 27, 2018 11:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Nurul Nadiah binti Rusle
Subject: BENGKEL COPYWRITING UNTUK PENIAGA ONLINE 2.0 ANJURAN MARC SBM



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

27 APRIL 2018 / 11 SYAABAN 1439H

=====

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

and Good Day

BENGKEL COPYWRITING UNTUK PENIAGA ONLINE 2.0 ANJURAN MARC SBM



SBM ONLINE: Pada 24 April 2018 yang lalu, MarC (Marketing Club), SBM telah menganjurkan Bengkel Copywriting 2.0 untuk peniaga-peniaga atas talian (*online*) dengan jayanya. Bengkel ini merupakan bengkel kali kedua yang diadakan selepas bengkel pertama mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah penyertaan sebanyak 75 orang peserta terdiri dari pelbagai kursus di UUM. Dengan adanya sokongan, promosi serta usahasama daripada Pejabat

Pembangunan Pelajar & Alumni (PPA) UUM COB maka program ini berjaya direalisasikan.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan mengenai peniagaan secara atas talian (*online*) serta teknik pemasaran di era digital ini. Peserta juga didedahkan dengan teknik-teknik dan strategi untuk menulis *headlines* secara efektif. Antara tips untuk menulis *headlines*, melalui teknik *Content Marketing* 5T, teknik menghasilkan ayat berpengaruh 4T, serta formula menghasilkan tajuk iklan dengan menggunakan rumusan SMS. Program ini amat bermanfaat bagi memperkasa diri peserta dalam menempuh era revolusi pemasaran digital.

Bengkel yang telah berjaya menarik minat 47 peserta terdiri di kalangan pelajar dan staf UUM, serta peniaga online telah menjemput En. Nor Mohd Ikhwan Zulaili untuk berkongsi tips – tips berkaitan.

Program ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat oleh penasihat Kelab Pemasaran Dr. Waida Irani Mohd Fauzi. MoA program ini adalah program yang berterusan, sesi bengkel yang seterusnya akan berlangsung pada tarikh yang akan diumumkan kelak.

-End-

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.